



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 4 FEBRUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	JAGA TEPI KAIN ORANG UNTUK ATASI KEGANASAN RUMAH TANGGA, BUKAN SEBAB LAIN		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/710491/suara-sinar/pojok/jaga-tepi-kain-orang-untuk-atasi-keganasan-rumah-tangga-bukan-sebab-lain#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	THE SILENT, LINGERING SCARS OF CHILD ABUSE		NEGATIF
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/health/matters-of-the-mind/2025/02/03/the-silent-lingering-scars-of-child-abuse	THESTAR.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	JKM CARI WARIS PESAKIT TERLANTAR DI HOSPITAL KUALA KANGSAR		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2388796	BERNAMA.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PEJABAT DAERAH SELANGAU LANCARKAN MISI BANTUAN MANGSA BANJIR KAMPUNG TAJAM		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/02/03/pejabat-daerah-selangau-lancarkan-misi-bantuan-mangsa-banjir-kampung-tajam	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	HENTI KEGANASAN RUMAH TANGGA, LINDUNGI WANITA		POSITIF
	https://harakahdaily.net/index.php/2025/02/03/henti-keganasan-rumah-tangga-lindungi-wanita/	HARAKAHDAILY.NET	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



4/2/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	DERA ANAK, BAPA, IBU TIRI DITAHAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183494/dera-anak-bapa-ibu-tiri-ditahan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357093/bapa-kandung-ibu-tiri-direman-disyaki-dera-anak	BHARIAN.COM.MY	
	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2388901	BERNAMA.COM	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/dera-anak-pasangan-suami-isteri-direman-7-hari/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	PENGAWAL KESELAMATAN CABUL PESAKIT GIGI DICEKUP POLIS		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/02/1357087/pengawal-keselamatan-cabul-pesakit-gigi-dicekup-polis	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/710646/berita/semasa/pengawal-keselamatan-ditahan-cabul-pelajar-lelaki#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/02/03/pengawal-keselamatan-klinik-disyaki-cabul-pesakit-lelaki/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1183507/pengawal-keselamatan-klinik-cabul-pesakit-lelaki-ditahan	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Jaga tepi kain orang untuk atasi keganasan rumah tangga, bukan sebab lain



MERAK JALANAN [Follow](#)

03 Februari 2025 08:20am



Video tular memaparkan tindakan seorang lelaki menampar isterinya di sebuah pusat beli-belah.

RAMAI gembira dan puas hati apabila pihak polis berjaya menangkap seorang lelaki yang bertindak menampar muka isterinya di sebuah pusat beli-belah di Kota Warisan, Sepang baru-baru ini.

Menurut pihak polis, lelaki tersebut yang kini direman selama tiga hari, tergamak melakukan perbuatan itu hanya kerana isterinya lambat keluar dari premis tersebut selepas membeli nasi ayam.

Bagaimanapun, turut kelihatan dalam rakaman video yang tular di media sosial ialah seorang kanak-kanak di sebelah lelaki terbabit.

Jika itu anak pasangan tersebut, maka Merak Jalanan berasa amat kasihan dan sedih kerana dia menyaksikan ibunya ditampar oleh bapanya sendiri.

Jauh di sudut hati Merak Jalanan mungkin itu bukan kejadian pertama berlaku, dan akhirnya perbuatan keji itu terbongkar dalam rakaman video tersebut.

Berdasarkan rekod Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sebanyak 2,794 kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada pihak berkuasa dari tahun 2021 hingga 2023 di seluruh negara.

Mungkin ada lagi kes-kes yang tidak dilaporkan oleh mangsa kerana sebab-sebab tertentu, namun bagi Merak Jalanan tiada sesiapa pun harus diperlakukan sedemikian.

Untuk itu, golongan wanita perlulah diberikan panduan dan pendedahan tentang kaedah terbaik untuk melindungi atau menyelamatkan diri mereka jika berlaku perkara tersebut.

Kita juga mengharapkan supaya semua pihak main peranan masing-masing dan gunakan konsep 'jaga tepi kain orang' untuk menyelamatkan ramai wanita daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Namun konsep tersebut hanyalah untuk kebaikan semata-mata, sebaliknya jangan jaga tepi kain orang lain untuk tujuan mengaibkan jiran atau perkara yang tidak sepatutnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



The silent, lingering scars of child abuse

by DATUK DR ANDREW MOHANRAJ



Tackling child abuse requires the collaboration of multiple parties, not only the government. — Filip

Child abuse is a deeply unsettling issue that transcends geographical and cultural boundaries.

Yet, its recent prevalence in Malaysia has cast a glaring spotlight on the urgent need for societal intervention.

Reports of physical violence inflicted on babies and toddlers by babysitters and incidents of sexual violence against children in residential schools have dominated the headlines.

Last year, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said according to statistics from the Royal Malaysia Police (PDRM), 5,401 cases of child sexual abuse were reported in 2023 alone.

This is presumably just the tip of the iceberg, with many more cases going unreported.

Beyond the immediate physical injuries, the psychological wounds inflicted by such acts of cruelty often run deep, leaving scars that may last a lifetime.

Psychological Impact

Childhood is a critical period for emotional, cognitive and social development.

Abuse during this formative stage can have devastating consequences on a child's mental health. The effects vary depending on the type, duration and severity of abuse.

Victims of physical or sexual abuse frequently develop Post-Traumatic Stress Disorder (PTSD), characterised by intrusive memories, nightmares, hypervigilance, and emotional numbness.

These symptoms can persist until adulthood and impair their ability to lead normal lives.

Chronic feelings of sadness, hopelessness and worthlessness are prevalent among abuse survivors. Many also experience heightened anxiety, which may manifest as social withdrawal or irrational fears.

Emotional abuse, in particular, can erode a child's self-worth, making them vulnerable to negative self-perceptions and self-blame.

Abused children also often struggle to form healthy relationships due to mistrust and fear of betrayal. This can hinder their ability to connect with others as they grow older.

Exposure to abuse increases the likelihood of aggression, delinquency, and substance abuse as maladaptive coping mechanisms.

The ripple effect

The repercussions of child abuse extend beyond the individual victims.

Families, schools and communities often grapple with the fallout.

Abuse disrupts familial relationships, with parents experiencing guilt and siblings feeling neglected.

In cases where the abuser is a family member, trust within the family unit is shattered.

Children subjected to abuse often underperform academically due to concentration difficulties and emotional distress.

Therefore, the long-term effects of abuse, such as mental health disorders and unemployment, place a significant burden on healthcare and social welfare systems.



Mental health remains a taboo subject in all Malaysian communities, with victims and family members refusing to come forward for treatment.

Cultural and societal factors

In Malaysia, our cultural and societal factors exacerbate the issue of child abuse.

Mental health remains a taboo subject among all communities in our country.

Victims and their families often refrain from seeking psychological help due to fear of judgement or social ostracisation.

In residential schools and other institutional settings, hierarchical structures can foster environments where abuse goes unchecked.

Victims may feel powerless to report their abusers, fearing retaliation or disbelief.

Many Malaysians, particularly in rural areas, lack awareness about child rights and the signs of abuse. This ignorance allows abusive behaviour to persist undetected.

Although Malaysia has laws to protect children, enforcement is often inconsistent, and cases may languish in the judicial system, discouraging victims from coming forward.

Prevention and intervention

Tackling child abuse requires a multi-layered approach that combines preventive measures, early intervention, and long-term support for survivors.

Nationwide campaigns can educate communities about the signs of abuse, the importance of reporting, and available support services.

Nancy has rightly advised people to report suspected cases of abuse to the police or her Ministry's Talan Kaish at 15999.

"Don't just record videos for social media; report it to us," she urged.

Enforcing mandatory reporting laws for educators, healthcare providers and childcare workers can help identify and address abuse early.

Parents, too, need to be equipped with skills to manage stress and discipline their children positively to reduce the risk of abuse at home.

The prosecuting agency must ensure that perpetrators face swift and severe consequences that can act as a deterrent. This is also important in order to gain public confidence.

Establishing child-friendly counselling centres across the country can provide accessible psychological support for victims.

Hotlines, staffed by trained professionals such as Talan Kaish or the Health Ministry's Talan Heal 15553 can offer immediate assistance to children in distress.

Residential schools and childcare facilities should undergo regular inspections to ensure compliance with child protection standards.

Safeguarding those who report abuse through whistleblower protections within such institutions can encourage more individuals to come forward.

Introducing mental health education in schools can empower children to understand their emotions and seek help when needed.

Teachers, too, can benefit from capacity building.

Several schools in Malaysia have benefited from the Mental Health First Aid Course for teachers, implemented by the Malaysian Mental Health Association.

Nancy, known to work quietly and efficiently without much fanfare, has to be congratulated for launching the "Love for Children" Advocacy Programme in Schools.

Last year, she announced, "We targeted 300 schools and have reached 109%. We will not stop implementing this programme because there are more than 10,000 schools in Malaysia."

She further added, "As long as there are reported cases of sexual harassment of children, we will not stop, especially with the advancement of technology; there are many ways for sexual harassment to occur."

She explained that the programme aimed to enhance children's understanding of situations involving those who need care and protection.

"That is where we give children the opportunity to learn what they should do if something happens to them or someone they know," she said.

In addition to schools, collaborating with religious and community leaders to destigmatise mental health can foster a supportive environment for survivors.



Children should grow up in a safe environment where they feel happy, loved and valued. — Phees

Road to recovery

For survivors of child abuse, recovery is a long and challenging journey that requires a robust support system.

Mental health professionals play a crucial role in this process by providing Trauma-Focused Therapy.

Besides routine psychological support, techniques such as Cognitive Behavioural Therapy (CBT) and Eye Movement Desensitisation and Reprocessing (EMDR) can help survivors process traumatic memories and rebuild their self-esteem.

Peer-led support groups offer survivors a safe space to share their experiences and learn from others who have walked similar paths.

Involving families is also important as family therapy can address relational dynamics and help rebuild trust within the household.

Child abuse is not merely a personal tragedy. It is a societal failure that demands immediate attention.

Malaysians must collectively commit to creating a safer environment for our children. This involves challenging cultural norms perpetuating silence, advocating for stronger legal protections, and ensuring that mental health support is accessible to all.

By addressing child abuse from a mental health perspective, we can not only heal the silent scars of survivors but also prevent future generations from enduring similar trauma.

Every child deserves to grow up in a world where they feel safe, loved and valued. Efforts to curb child abuse and sexual crimes against children should not rest solely with the government.

All parties, including individuals, communities, private sector organisations and civil society can play a role in ensuring our children are not subjected to abuse.

Let us work together to make this vision a reality.

Prof Datuk Dr Andrew Mohanraj is a consultant psychiatrist, the Malaysian Mental Health Association president and Taylor's University Impact Lab on Mental Health & Wellbeing director. For more information, email starhealth@thestar.com.my. The information provided is for educational and communication purposes only and it should not be construed as personal medical advice. The Star does not give any warranty on accuracy, completeness, functionality, usefulness or other assurances as to the content appearing in this column. The Star disclaims all responsibility for any losses, damage to property or personal injury suffered directly or indirectly from reliance on such information.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM Cari Waris Pesakit Terlantar Di Hospital Kuala Kangsar

🕒 03/02/2025 03:41 PM



Kredit: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

IPOH, 3 Feb (Bernama) -- Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Kuala Kangsar memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan waris seorang pesakit lelaki yang kini sedang menerima rawatan di Hospital Kuala Kangsar.

Pegawai PKMD Kuala Kangsar Nur Fatma Fauzi berkata Khairul Azam Mohd Ghazali, 44, dirawat di hospital itu akibat penyakit kencing manis atau diabetes mellitus.

"Khairul Azam kini sedang menerima rawatan lanjut dan ditempatkan di wad penyayang hospital berkenaan, keadaannya agak serius ketika ini.

"Berdasarkan rekod pesakit beralamat di No 8, Jalan Bunga Raya 12 Taman Bunga Raya, Kuala Kangsar merupakan anak tunggal dan telah kematian ibu serta tidak mempunyai waris lain selain bapa kandungnya," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Nur Fatma menambah usaha untuk mendapatkan maklumat daripada Khairul Azam bagi mengesan bapa kandungannya agak sukar kerana pesakit sudah lama tidak berhubung dengan bapanya itu.

"Saya menyeru orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung waris pesakit ini, diminta menghubungi PKMD Kuala Kangsar di talian 05-776198," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pejabat Daerah Selangau lancarkan misi bantuan mangsa banjir Kampung Tajam

© Februari 3, 2025, Isnin - 6:14pm



Pegawai dari Pejabat Pengurusan Bencana Daerah Selangau menyerahkan bantuan makanan kepada mangsa banjir di Kampung Tajam, hari ini. - Gambar Facebook DUN N. 59 Tamin

SIBU: Pejabat Daerah Selangau hari ini telah melancarkan misi bantuan untuk membantu penduduk yang terjejas teruk akibat bencana banjir di Kampung Tajam.

Misi itu mendapat sokongan penuh daripada pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan tempatan, termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangau, Pusat Khidmat DUN Tamin, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Selangau, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Pejabat Pengurusan Bencana Daerah Selangau.

Ketua misi bantuan itu, Pegawai Daerah Selangau Yalin Asan menjelaskan bahawa bantuan yang disalurkan meliputi pelbagai keperluan asas termasuk bekalan makanan dan air bersih.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tamin Christopher Gira Sambang turut menyatakan komitmennya untuk membantu penduduk DUN Tamin yang dilanda bencana ini.

Beliau menegaskan bahawa kerjasama antara agensi-agensi yang terlibat amat penting bagi memastikan bantuan sampai kepada setiap ketua isi rumah yang terkesan.

"Saya akan memastikan setiap ketua isi rumah di kawasan DUN Tamin menerima bantuan yang sepatutnya.

"Ini adalah masa untuk kita berganding bahu dan saling membantu, bukan untuk menyalahkan sesiapa," ujar Gira ketika dihubungi hari ini.

Misi bantuan ini melibatkan pengagihan barangan keperluan kepada lebih 20 rumah panjang, dua rumah persendirian, dua sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (S) Nanga Tajam dan SK Saint Mark serta Klinik Kesihatan Nanga Tamin.

Bantuan sedang dihantar ke pekan Stapang dan penghantaran susulan akan dilakukan ke kawasan-kawasan lain yang masih menghadapi kesulitan akibat banjir.

Dalam pada itu, Gira meminta agar penduduk yang belum menerima bantuan supaya bersabar dan mendoakan agar misi ini dapat disempurnakan dengan lancar.

"Bagi penduduk yang masih menunggu bantuan, saya berharap mereka dapat bersabar dan berdoa agar segala urusan ini dapat diselesaikan dengan baik," tambahnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BANJIR PULIH

HARI : SELASA

TARIKH : 4 FEB 2025

TONE : POSITIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 10

SEKTOR : KPWK

Banjir pulih

Sebanyak 34 PPS di tujuh daerah di Sarawak ditutup

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching

Sebanyak 34 pusat pemindahan sementara (PPS) di tujuh daerah di Sarawak ditutup sehingga jam 1.30 tengah hari, semalam.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak berkata, banjir di tujuh daerah yang diisytiharkan pulih itu ialah Kuching, Bau, Asajaya, Simunjan, Gedong, Saratok dan Kapit.

Katanya, hanya 44 PPS masih aktif yang menempatkan 9,877 mangsa daripada 2,910 keluarga.

Daripada 44 PPS itu, Miri mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 13, Serian (9),

Bintulu (8), Sibul (6) serta Samarahan dan Mukah masing-masing empat.

Bintulu pula mencatat jumlah mangsa tertinggi dengan 4,901 mangsa, Serian (1,744), Miri (1,410), Sibul (1,145), Samarahan (534) dan Mukah (142).

Banjir luar biasa melanda Sarawak bermula 29 Januari lalu memaksa lebih 13,000 mangsa berlindung di 63 PPS.

Ketika ini beberapa kawasan semakin pulih namun di kawasan hulu Sungai Oya, Dalat dalam bahagian Mukah dilaporkan paras air masih tinggi.

Beberapa penempatan di hulu sungai berkenaan termasuk Nanga Baoh, Kampung Narub, Kampung Klid, Kampung Sau dan Kampung Medong masih ditenggelami air.



PETUGAS meletakkan notis penutupan PPS Dewan Entingan di Samarahan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : FLOOD VICTIMS FACE MULTIPLE ORDEALS DURING RESCUE OPERATION

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 4 FEB 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Flood victims face multiple ordeals during rescue operation

By SANDRA SOKIAL
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: As the murky waters of Sungai Kinabatangan crept higher, Maidah Koi knew she had no choice but to leave her house.

Battling illness and being unable to walk without assistance, the 57-year-old's decision to evacuate was agonising.

A resident of Kampung Pengkalan Bukit Garam, Māidah had voluntarily relocated to the

community hall before the floodwaters became unmanageable.

However, at that time, no official temporary evacuation centre had been set up, leaving her and a few others with little choice but to wait in hopes that the waters would recede.

But nature had other plans.

As the river swelled to dangerous levels, authorities launched an operation to rescue the victims.

Maidah was among those evacuated, but her struggles extended far beyond the flood.

She has been suffering from severe health complications for a while.

Prolonged antibiotic use has weakened her body, resulting in internal bleeding in her stomach and a lung infection.

Even the simplest movements are a painful ordeal.

She cannot walk unaided, and she relies on the kindness of neighbours and volunteers to help her through this crisis.

Despite her pain, she remained calm as rescuers lifted her into a boat, with water swirling around them.

Maidah was among 53 residents from 16 families displaced by the floods that hit two villages in Kinabatangan, with more expected to be affected.

Beyond Kinabatangan, the Sabah state flood disaster committee reported that as of 4pm yesterday, a total of 115 victims from 41 families were rescued from a village in Tongod.

This brings the current number of evacuees to 208 people from 57 families in the two remaining affected districts, down from thousands across 11 districts last week, thanks to improved weather conditions.

There have been no reported casualties.

Nine districts – Beaufort, Kota Marudu, Telupid, Sandakan, Kota Belud, Lahad Datu, Beluran, Paitan and Pitas – have since declared their flood evacuation centres closed.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Henti keganasan rumah tangga, lindungi wanita

February 3, 2025



KUALA LUMPUR: Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM) menyeru semua wanita, tanpa mengira agama dan bangsa supaya memelihara diri daripada menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Ketua DMPM, Ustazah Nuridah Mohd Salleh menegaskan, keganasan rumah tangga adalah perbuatan yang tidak sepatutnya berlaku dan menekankan bahawa Islam menolak keras tindakan tersebut.

"Sangat tidak mengembirakan, bila kita terdengar berita, seorang suami menampar isterinya. Apatah lagi berlaku di khalayak ramai hanya kerana kelewatan membeli makanan.

"Perbuatan ini bukan sahaja mencerminkan kegagalan dalam mengawal emosi, tetapi juga memperlihatkan bagaimana keganasan rumah tangga berlaku berleluasa dan begitu mudah dalam masyarakat kita.

"Amat malang lagi jika perlakuan tersebut disaksikan anak sendiri. Anak-anak adalah cerminan masa depan. Mereka tidak seharusnya dibesarkan dalam persekitaran yang dipenuhi ketakutan dan kekasaran," katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut, Ustazah Nuridah menjelaskan Islam menolak sekeras-kerasnya sebarang bentuk keganasan dalam rumah tangga.

"Rasulullah sendiri adalah contoh suami terbaik. Baginda SAW tidak pernah memukul isteri-isterinya, bahkan melayan mereka dengan penuh kasih sayang dan penghormatan.

"Sabda Baginda SAW, 'Sebaik-baik kamu ialah yang paling baik terhadap isterinya'," ujar beliau memetik hadis riwayat Tirmizi.

Jelasnya, dari hadis itu menunjukkan bahawa kekuatan sebenar seorang lelaki bukan pada kekerasan, tetapi pada kelembutan dan kebijaksanaan dalam memimpin keluarga masing-masing.

"Jika anda mengalami penderaan, segera dapatkan bantuan daripada pihak berkuasa, badan bukan kerajaan (NGO), atau pusat perlindungan wanita," katanya.

Beliau turut mengingatkan setiap individu berhak untuk hidup dalam keadaan selamat dan bermaruah.

"Ingatlah, Allah tidak membiarkan hamba-Nya dalam kesusahan tanpa jalan keluar. Jangan takut untuk bersuara dan mencari perlindungan. Saya juga menyeru kepada seluruh masyarakat agar mengambil tanggungjawab dalam membanteras keganasan rumah tangga.

"Usah hanya menjadi pemerhati, tetapi beranilah bertindak jika melihat kezaliman berlaku di sekeliling kita. Namun, dalam menegur, kita harus berhikmah dan tidak mengabaikan sesiapa.

"Akhirnya, saya berdoa agar setiap keluarga di Malaysia, khususnya golongan muda berjaya membina dan mengharungi alam rumah tangga dengan penuh mawaddah wa Rahmah iaitu berkasih sayang dan belas kasihan," katanya.

Sebelum ini tular satu rakaman video berdurasi 29 saat memaparkan seorang wanita berjalan keluar dari pusat beli-belah sambil memegang bungkusan plastik, sebelum seorang lelaki menghampiri dan menamparnya di khalayak ramai.

Selepas kejadian tular itu, lelaki terbabit telah membawa isteri dan anaknya tidur di Nilai, Negeri Sembilan sebelum menghantarnya pulang.

Suami mangsa bagaimanapun keluar semula dari rumah dan tidak pulang selepas itu dipercayai takut ditahan pihak polis. – HARAKAHDAILY 3/2/2025

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAPA, IBU TIRI DISYAKI DERA BUDAK KENA REMAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 FEB 2025

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bapa, ibu tiri disyaki dera budak kena reman

Kuala Terengganu: Polis menahan pasangan suami isteri selepas dipercayai mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Azli Mohd Noor, berkata bapa kandung dan ibu tiri mangsa itu ditahan untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, penahanan pasangan masing-masing berusia 32 dan 27 tahun itu dilakukan susulan laporan polis dibuat ibu kandung mangsa pada Khamis lalu.

Katanya, perbuatan pasangan itu terbongkar selepas

mangsa menceritakan kejadian berkenaan kepada ibunya ketika mengambil kanak-kanak terbabit dari rumah neneknya di Manir.

"Mangsa memaklumkan dipukul semasa tinggal bersama ayah kandungnya dan ibu tirinya.

"Kanak-kanak itu juga mendakwa kejadian itu kerap berlaku.

"Kedua-dua suspek kini direman selama tujuh hari untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001," katanya ketika dihubungi semalam.



Polis menahan pasangan suami isteri selepas dipercayai mendera seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun. (Foto Zatul Iffah Zolkiply/BH)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : COUPLE HELD OVER ALLEGED ABUSE OF BOY

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 4 FEB 2025

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Couple held over alleged abuse of boy

KUALA TERENGGANU: A husband and wife have been arrested on suspicion of abusing the man's 10-year-old son in Manir, near here.

Kuala Terengganu district police chief ACP Azli Mohd Noor said the 27-year-old female suspect is the victim's stepmother, while the 32-year-old male suspect is the victim's biological father.

He added the two suspects were arrested at their residence last night following a report by the victim's biological mother.

Investigations showed the victim lived with the male suspect in 2019 after being granted full custody following the latter's divorce.

"The victim claims to have been beaten by the male suspect with a belt and rubber pipe, while the female suspect hit him with a clothes hanger," he said when contacted yesterday, reported Bernama.

He added that an examination by medical officers at Hospital Sultanah Nur Zahirah found bruises on the victim's body.

"Both suspects have been remanded for seven days until Feb 9," he said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Pengawal keselamatan cabul pesakit gigi dicekup polis

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad - Februari 3, 2025 @ 9:03pm
bhnews@bh.com.my



- Foto hiasan

ALOR GAJAH: Polis memberkas seorang pengawal keselamatan hari ini bagi membantu siasatan kes disyaki mencabul pesakit lelaki di sebuah tandas klinik pergigian di sini, minggu lalu.

Pemangku Ketua Polis Melaka, Datuk Md Nazri Zawawi berkata, suspek berusia 19 tahun itu ditangkap jam 12.05 tengah hari di hadapan klinik pergigian terbabit.

Menurutnya, penahanan dibuat anggota Bahagian D11 (Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka hasil siasatan dilakukan ekoran laporan dibuat pengadu.

Katanya, kejadian berlaku pada 28 Januari lalu ketika pengadu yang juga penuntut universiti swasta berusia 19 tahun selesai menjalani rawatan di klinik pergigian terbabit.

"Pengadu menyatakan dia bertanya mengenai tandas awam kepada seorang pengawal keselamatan dan suspek menunjukkan lokasinya.

"Bagaimanapun, ketika berada di dalam tandas, pengadu ternampak suspek seperti mengintainya sebelum lelaki itu mengetuk pintu dan menyuruhnya membuka lampu," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Md Nazri berkata, menurut pengadu ketika membuka sedikit pintu untuk menekan suis lampu di luar suspek cuba masuk ke dalam tandas dengan menolak pintu dan memegang kemaluannya.

"Pengadu yang terkejut dan takut terus menolak suspek sebelum menutup semula pintu dan keluar selepas suspek beredar dan membuat laporan di kaunter aduan klinik dan di balai polis," katanya lagi.

Beliau berkata, polis membuka siasatan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan dan suspek akan direman esok di Mahkamah Majistret Alor Gajah.

"Ujian saringan awal dijalankan mendapati urin suspek negatif dadah," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WANITA DIREMAN KES PENEMUAN BAYI PEREMPUAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 FEB 2025

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita direman kes penemuan bayi perempuan

Kangar: Seorang wanita direman hingga Rabu ini bagi membantu siasatan susulan penemuan bayi perempuan di sebuah kedai makan di Sanglang, pada 19 Januari lalu.

Suspek berusia 29 tahun ditahan pada jam 2.55 pagi kelmarin di sebuah rumah di Simpang Empat, di sini berdasarkan maklumat diperoleh polis dari Ibu Pejabat Polis (IPD) Kangar.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop, berkata wanita itu yang bekerja sebagai pembantu kedai makan, tinggal bersama empat anaknya yang masih kecil, manakala suaminya dalam tahanan di Pusat Tahanan Serenti.

“Polis turut merampas sebuah telefon bimbit, sekeping kad SIM telefon, gunting, cadar serta sampel uri yang sudah dibakar oleh suspek,” katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati wanita berkenaan mengaku terbabit dengan kejadian itu.

“Menurut suspek, dia melahirkan bayi perempuan tanpa ditemani atau bantuan sesiapa dalam tandas sebuah rumah di Jalan Tok Pulau, Kampung Permatang Kersek di Simpang Empat pada 18 Januari, jam 6.30 petang.

“Kira-kira 10 jam kemudian, suspek pergi ke sebuah kedai makan di Kampung Rama, Sanglang dengan menaiki sebuah kereta berwarna kuning milik rakan-nya dan meninggalkan bayi yang baru dilahirkan di premis berkenaan,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK : WANITA DIREMAN 4 HARI

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 FEB 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

PENEMUAN BAYI DI KEDAI MAKAN

Wanita direman 4 hari

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Pembantu kedai makan direman empat hari sehingga esok bagi membantu siasatan penemuan bayi perempuan yang ditinggalkan di sebuah kedai makan di Sanglang di sini, pada 19 Januari lalu.

Wanita berusia 29 tahun itu ditahan sekitar jam 2.55 pagi semalam di sebuah rumah di Simpang Empat di sini.

Ketua Polis Daerah Kangar, Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yu-

sop berkata, ketika ditahan suspek tinggal bersama empat anaknya yang masih kecil manakala suaminya tiada disebabkan berada dalam tahanan di sebuah Pusat Tahanan Serenti.

"Polis turut merampas telefon bimbit, kad sim, kad memori, gunting, sehelai cadar serta sampel uri yang dibakar oleh suspek," katanya dalam satu kenyataan media semalam.

Katanya, siasatan awal mendapati wanita berkenaan mengaku terbabit dengan kejadian itu.

"Suspek melahirkan seorang bayi perempuan ber-

sendirian di dalam tandas sebuah rumah di Jalan Tok Pulau, Kampung Permatang Kersek di Simpang Empat pada 18 Januari sekitar jam 6.30 petang.

"Kira-kira 10 jam kemudian, suspek ke sebuah kedai makan di Kampung Rama, Sanglang menaiki kereta Perodua Myvi milik rakannya dan meninggalkan bayi yang baharu dilahirkannya di premis berkenaan," katanya.

Yusharifuddin berkata, suspek direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang

bayi.

Jika sabit kesalahan, suspek boleh dipenjarakan sehingga tujuh tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu Yusharifuddin berkata, bayi berkenaan dalam keadaan sihat serta masih dirawat di Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Kangar dan berada di bawah pemantauan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri.

Pada 19 Januari lalu, seorang penjaga stor bersama isterinya menjumpai seorang bayi perempuan yang ditinggalkan dalam beg plastik atas sebuah meja kedai makan di hadapan rumah mereka.

Hasil pemeriksaan oleh pakar perubatan HTF mengesahkan bayi perempuan berkenaan berada dalam keadaan cukup sihat dan sihat.



BAYI dalam keadaan sihat dan masih dirawat di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : WOMAN HELD IN ABANDONED BABY CASE

HARI : SELASA

AKHBAR : THE SUN

TARIKH : 4 FEB 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Woman held in abandoned baby case

KANGAR: Police have arrested a woman suspected of abandoning a baby girl found in a plastic bag lined with a *sarong* in front of a house in Jalan Kampung Rama, Kuala Sanglang, Simpang Empat, near here, on Jan 19.

Kangar police chief ACP Yusharifuddin Mohd Yusop said the 29-year-old woman, a restaurant assistant, was detained on Sunday in Simpang Empat.

"The suspect lives with her four young children, and her husband is in a drug rehabilitation centre," Yusharifuddin said in a statement.

"Based on initial findings, the suspect is believed to have given birth unaided in a toilet at a house in Jalan Tok Pulau, Kampung Permatang Kersek, Simpang Empat on Jan 18, at 6.30pm.

"On Jan 19, at 4.30am, she is believed to have gone to a restaurant in Kampung Rama to abandon the baby, travelling in a Myvi car belonging to a friend," he said in a statement.

He added that the woman has been remanded for four days, and the case is being investigated under Section 317 of the Penal Code for concealing a birth with the intention of abandoning the baby. – Bernama